

**KENYATAAN DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MAJLIS PENUH KALI KE-610
BIL. 4/2025 PADA 28 APRIL 2025**

1. UCAPAN PENGHARGAAN DAN TAKZIAH

Dengan penuh rasa dukacitanya, MBSP telah dikejutkan dengan pemergian **Allahyarham Encik Wan Junaidy bin Yahaya**, Pengarah Khidmat Pengurusan. Allahyarham merupakan seorang pegawai yang amat kita hormati dan segani sepanjang 22 tahun beliau berkhidmat di MBSP.

Allahyarham telah banyak menyumbang tenaga, idea dan memberikan komitmen yang tinggi sepanjang perkhidmatan beliau bersama MBSP. Keikhlasan dan dedikasi beliau dalam menjalankan tugas menjadi inspirasi kepada kita semua. Kehilangan beliau merupakan satu kehilangan yang besar buat MBSP dan juga rakan-rakan seperjuangan.

Bagi pihak seluruh warga kerja MBSP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas segala jasa dan sumbangan beliau. MBSP juga ingin menyampaikan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham. Semoga diberikan ketabahan, kekuatan dan reda menghadapi ujian ini.

Marilah kita sama-sama mendoakan agar roh Allahyarham Encik Wan Junaidy ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Al-Fatihah.

2. UCAPAN PENGHARGAAN SEMPENA PERTUKARAN PEGAWAI

Dimaklumkan bahawa **Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul** telah mula berkhidmat di MBSP pada 7 Januari 2021 sebagai Pengarah Jabatan Pesuruhjaya Bangunan MBSP. Sebelum itu, beliau adalah Ketua di Pusat Maklumat Hartanah Negara bertempat di Sabah.

Namun berkuatkuasa 5 Mei 2025, Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul akan bertukar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Johor Bahru, Johor.

Bagi pihak seluruh warga MBSP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul atas segala jasa, komitmen dan sumbangan yang telah diberikan sepanjang beliau bertugas bersama MBSP selama empat (4) tahun.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di sini, Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul telah menunjukkan semangat kerja yang tinggi, profesionalisme, dan semangat berpasukan yang amat kami hargai. Sumbangan beliau amat bermakna dalam memperkukuhkan organisasi dan meninggalkan kesan yang positif dalam kalangan rakan sekerja.

Walaupun MBSP merasa kehilangan atas perpindahan ini, saya juga mendoakan agar beliau terus cemerlang dan sukses di tempat baharu. Semoga pertukaran ini menjadi langkah yang lebih baik dalam perjalanan kerjaya beliau.

Selamat maju jaya dan teruskan kecemerlangan di agensi baharu Tuan Sr Zulhisyam bin Abdul. Semoga hubungan silaturrahim yang terjalin selama ini akan terus berkekalan.

3. PELANTIKAN PENGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Dengan ini dimaklumkan bahawa MBSP telah melantik seorang (1) orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Pelantikan sebagai Jurutera Gred J9 (Kontrak) yang berkuatkuasa pada 15 April 2025. Pegawai tersebut adalah Encik Azri bin Azuar di Jabatan Kejuruteraan. Berkelulusan Ijazah Sains Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan berpengalaman sebagai Jurutera Kanan di Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

4. OPERASI PENGUATKUASAAN KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

Operasi penguatkuasaan kutipan cukai taksiran akan dijalankan bermula **1 MEI 2025** bagi premis-premis yang belum menjelaskan bayaran cukai taksiran bagi Penggal Pertama Tahun 2025.

Pemilik premis diminta untuk membuat bayaran dengan kadar **SEGERA** bagi mengelakkan harta alih anda daripada disita. Bayaran cukai taksiran boleh dibuat secara dalam talian, melalui aplikasi ASPIRE Seberang Perai dan PBTPay, MBSPPay melalui kiosk atau agensi kutipan yang telah dilantik MBSP serta di kaunter bayaran MBSP di Menara Bandaraya Bandar Perda dan Kaunter Cawangan di Kampung Jawa dan Jawi.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi di talian **04-5497470 / 471 / 696 / 697** atau e-mel di [**waran@mbsp.gov.my**](mailto:waran@mbsp.gov.my).

5. MBSP MELARANG MENJALANKAN PENTERNAKAN LEMBU TANPA LESEN YANG SAH

MBSP telah menjalankan tindakan pendakwaan pada 7 April 2025 terhadap seorang Orang Kena Saman (OKS) atas kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil 4, Jadual Keempat (Undang-Undang Kecil 5) (2) (iv) dalam Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen Majlis Perbandaran Seberang Perai 1980 di Mahkamah Majistret Majlis Bandaraya Seberang Perai iaitu menjalankan penternakan lembu tanpa lesen yang sah daripada Majlis Bandaraya Seberang Perai di

Lot 6336, Mukim 11, Seberang Perai Utara. OKS telah mengaku salah dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM1,300.00.

MBSP dengan ini ingin menegaskan bahawa semua aktiviti perniagaan/penternakan yang dijalankan di Seberang Perai hendaklah mempunyai lesen yang sah daripada MBSP. Kegagalan mendapatkan lesen yang sah daripada MBSP boleh menyebabkan tindakan pendakwaan di Mahkamah dan sekiranya disabitkan dengan kesalahan, boleh dijatuhkan hukuman denda tidak lebih daripada RM2,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali dan sekiranya selepas sabitan kesalahan berterusan boleh didenda tidak lebih RM200.00.

6. SELAMAT MENYAMBUH HARI PEKERJA TAHUN 2025

Selamat menyambut Hari Pekerja kepada semua warga kerja di Seberang Perai umumnya dan warga MBSP khususnya yang sentiasa komited dan berdedikasi dalam bekerja.

Hari ini kita raikan bukan sekadar pekerjaan, tetapi semangat, usaha dan pengorbanan yang telah membina jabatan, organisasi dan negara. Tanpa tenaga dan kesungguhan anda semua, kejayaan tidak akan bermakna.

Tema Hari Pekerja bagi Tahun 2025 adalah “**Pekerja Kesuma Bangsa**”. Terima kasih atas semangat kerja berpasukan, integriti dan iltizam yang sentiasa ditunjukkan. Teruskan kecemerlangan, pupuk budaya kerja positif, dan jadilah inspirasi kepada generasi akan datang. Selamat Hari Pekerja – Anda tonggak kemajuan kita semua.

7. SELAMAT MENYAMBUK HARI WESAK

Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penduduk Seberang Perai dan kawasan sekitarnya yang beragama Buddha. Hari Wesak tahun ini bakal disambut pada 12 Mei 2025 (Isnin) yang juga merupakan hari kelepasan am bagi Negeri Pulau Pinang.

Semoga sambutan Hari Wesak kali ini membawa ketenangan, kebahagiaan dan kesejahteraan kepada anda sekeluarga. Sama-sama kita hayati nilai-nilai murni seperti kasih sayang, toleransi dan keharmonian yang di bawa sempena perayaan ini. Justeru itu, saya ingin mengingatkan kepada seluruh warga Seberang Perai supaya menjaga kesihatan dan mengamalkan amalan pemakanan yang baik dan sihat sepanjang sambutan musim perayaan ini.

Sekian, terima kasih.